

20 OCT 1998

Annuar-Buku

KEMPEN DERMA BUKU: 900,000 NASKAH BERJAYA DIKUMPUL SETAKAT INI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Kempen menderma buku di seluruh negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos lepas berjaya mengutip sebanyak 900,000 naskah setakat ini, menghampiri sasarannya sebanyak 1 juta naskah.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata hari ini, kebanyakan buku yang dikumpul itu berbahasa Inggeris dengan Wilayah Persekutuan menyumbang 20 peratus daripada jumlah berkenaan.

"Pulau Pinang menyumbang sebanyak 12 peratus manakala Kelantan merupakan negeri yang paling sedikit menyumbang, iaitu kurang lima peratus," katanya kepada pemberita ketika ditemui di bangunan Parlimen, di sini.

Annuar berkata jumlah 900,000 buku yang diderma itu yang bernilai RM10 juta dicapai setelah tempoh akhir kempen itu dilanjutkan daripada 30 Sept kepada 9 Nov depan.

Kempen menderma buku dianjurkan bersama kementerian itu dan beberapa agensi swasta seperti Petronas dan Pos Malaysia bagi mendapatkan buku-buku terpakai untuk diagihkan di pusat-pusat bacaan terutama di luar bandar.

Annuar berkata kerajaan akan memperuntukkan RM300,000 untuk pembelian buku-buku sebagai tambahan kepada jumlah buku yang berjaya dikumpul.

Katanya, ini bagi memastikan semua kawasan atau pusat bacaan menerima buku yang pelbagai dan sama rata jenisnya iaitu buku bagi murid tadika dan sekolah rendah, sekolah menengah dan remaja dan buku-buku bagi orang dewasa.

Kementerian juga bercadang mewujudkan 500 pusat bacaan di luar bandar termasuk di rumah-rumah panjang dan perkampungan Orang Asli.

--BERNAMA

RAZ WAT